



Rujukan Kami: JUPEM 18/7/2.148 Jld 4 (23)

Tarikh : 31 Mei 2017

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

## PEKELILING KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN

### BILANGAN 1 TAHUN 2017

---

#### GARIS PANDUAN MENGENAI PENYEDIAAN PELAN KHAS UNTUK HARTA BERSAMA TERHAD BAGI TUJUAN PERMOHONAN PENUBUHAN PERBADANAN PENGURUSAN SUBSIDIARI

---

#### 1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan Garis Panduan Mengenai Penyediaan Pelan Khas Untuk Harta Bersama Terhad [PK(HBT)] Bagi Tujuan Permohonan Penubuhan Perbadanan Pengurusan Subsidiari [*subsidiary management corporation* (sub-MC)] selaras dengan penguatkuasaan Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2013 [A1450] dan Akta Pengurusan Strata 2013 (APS) [Akta 757] ke semua negeri di Semenanjung Malaysia, juga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan .

#### 2. LATAR BELAKANG

2.1 Seksyen 17A, Akta Hakmilik Strata, 1985 (AHS) memperuntukkan perbadanan pengurusan [*management corporation* (MC)] boleh menetapkan harta bersama terhad dan menubuhkan sub-MC bagi mewakili kepentingan yang berbeza-beza bagi pemilik-pemilik petak terutamanya dalam pembangunan bercampur skim berstrata melalui suatu resolusi komprehensif yang dijalankan di bawah APS.

- 2.2 MC dikehendaki membuat permohonan mengikut keperluan di bawah seksyen 17A AHS bagi kelulusan Pengarah Tanah dan Galian (PTG) untuk pengeluaran perakuan sub-MC bagi HBT yang ditetapkan.
- 2.3 Garis panduan ini disediakan bagi menjelaskan kaedah pengukuran dan penyediaan PK(HBT) oleh Juruukur Tanah Berlesen (JTB) serta penyemakan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) Negeri bagi penyediaan ulasan kepada PTG.

### **3. TARIKH BERKUATKUASA**

Pekeliling ini hendaklah dikuatkuasakan penggunaannya mulai tarikh ia dikeluarkan. Pekeliling ini boleh dimuat turun melalui pautan yang disediakan di laman sesawang rasmi JUPEM.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"NEGARAKU, ALAM SEKITARKU"**



**(DATO' SR HASAN BIN JAMIL)**  
Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
Malaysia

#### **Salinan kepada:**

#### **Agihan Dalaman:**

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia I  
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia II  
Pengarah Ukur Bahagian (Kadaster)  
Pengarah Ukur Bahagian (Dasar dan Penyelarasan Pemetaan)

**Agihan Luaran:**

Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Ketua Pengarah  
Jabatan Ketua Pengarah Tanah Galian Persekutuan

Ketua Pengarah  
Jabatan Kerajaan Tempatan

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Tanah Ukur dan Pemetaan,  
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Setiausaha  
Lembaga Juruukur Tanah Malaysia (LJT)

Presiden  
Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah (PEJUTA)

**GARIS PANDUAN MENGENAI PENYEDIAAN  
PELAN KHAS UNTUK HARTA BERSAMA TERHAD  
BAGI TUJUAN PERMOHONAN PENUBUHAN  
PERBADANAN PENGURUSAN SUBSIDIARI**



**JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA**

# KANDUNGAN

<b>BAB 1</b> .....	<b>3</b>
1. <i>TAJUK KECIL</i> .....	3
2. <i>PEMAKAIAN</i> .....	3
3. <i>TARIKH BERKUATKUASA</i> .....	3
4. <i>TAFSIRAN</i> .....	3
<b>BAB 2</b> .....	<b>5</b>
PENGUKURAN .....	5
5. <i>PENGENDALIAN UKURAN BAGI PENYEDIAAN PELAN KHAS UNTUK HARTA BERSAMA TERHAD</i> .....	5
<b>BAB 3</b> .....	<b>8</b>
PENYEDIAAN PELAN KHAS UNTUK HARTA BERSAMA TERHAD .....	8
6. <i>TANGGUNGJAWAB JURUUKUR TANAH BERLESEN</i> .....	8
7. <i>PELAN KHAS UNTUK HARTA BERSAMA TERHAD</i> .....	9
<b>BAB 4</b> .....	<b>15</b>
PERMOHONAN PENUBUHAN PERBADANAN PENGURUSAN SUBSIDIARI .....	15
8. <i>AM</i> .....	15
9. <i>TINDAKAN PENGARAH UKUR SELEPAS MENERIMA PERMOHONAN NOMBOR FAIL HBT, NOMBOR BUKU KERJALUAR HBT DAN NOMBOR PELAN HBT DARIPADA JTB</i> .....	15
10. <i>PROSEDUR PERMOHONAN</i> .....	16
11. <i>TINDAKAN PENGARAH UKUR SELEPAS MENERIMA PK(HBT) DARIPADA PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI</i> .....	16
12. <i>PROSES SEMAKAN PERMOHONAN PK(HBT)</i> .....	16
<b>LAMPIRAN</b> .....	<b>19</b>
<b>LAMPIRAN A</b> .....	<b>19</b>
<b>LAMPIRAN B</b> .....	<b>20</b>
<b>LAMPIRAN C</b> .....	<b>21</b>
<b>LAMPIRAN D</b> .....	<b>23</b>
<b>LAMPIRAN E</b> .....	<b>24</b>
<b>LAMPIRAN PK(HBT) 1</b> .....	<b>25</b>
<b>LAMPIRAN PK(HBT) 2</b> .....	<b>49</b>

# BAB 1

## PERMULAAN

### 1. TAJUK KECIL

Garis panduan ini dinamakan Garis Panduan Mengenai Penyediaan Pelan Khas Untuk Harta Bersama Terhad [PK(HBT)] Bagi Tujuan Permohonan Penubuhan Perbadanan Pengurusan Subsidiari.

### 2. PEMAKAIAN

2.1 Garis panduan ini adalah terpakai bagi penyediaan PK(HBT) bagi tujuan permohonan penubuhan sub-MC di semua Negeri di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan

2.2 Garis panduan ini juga hendaklah diguna pakai oleh semua Juruukur Tanah Berlesen (JTB) yang diberi lesen oleh Lembaga Juruukur Tanah Malaysia di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 [*Akta 458*] untuk menjalankan amalan ukur selaras dengan Peraturan 25, Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011.

### 3. TARIKH BERKUATKUASA

Garis panduan ini hendaklah mula berkuatkuasa mengikut tarikh berkuatkuasanya Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bilangan 1 Tahun 2017.

### 4. TAFSIRAN

4.1 Tafsiran yang dirujuk kepada seksyen 4 Akta Hakmilik Strata 1985 (AHS) dan seksyen 2 Akta Pengurusan Strata 2013 (APS) bagi garis panduan ini:

4.1.1 "**harta bersama terhad**" ertinya mana-mana bahagian harta bersama dalam suatu lot–

(a) yang dikhaskan dalam suatu ketetapan komprehensif yang disebut dalam seksyen 17A AHS untuk manfaat eksklusif pemilik dua petak atau lebih, tetapi bukan semua petak; dan

(b) yang baginya suatu perakuan telah dikeluarkan oleh Pengarah yang memperakui bahawa perbadanan pengurusan subsidiari telah ditubuhkan di bawah AHS.

- 4.1.2 **“Pengaruh”** ertinya Pengarah Tanah dan Galian bagi Negeri atau Wilayah Persekutuan dan termasuklah Timbalan Pengarah Tanah dan Galian.
- 4.1.3 **“Pengaruh Ukur”** ertinya Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri atau Wilayah Persekutuan dan termasuklah Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan.
- 4.1.4 **“perbadanan pengurusan subsidiari”** berhubung dengan harta bersama terhad, ertinya perbadanan pengurusan subsidiari yang ditubuhkan di bawah seksyen 17A Akta Hakmilik Strata 1985.
- 4.1.5 **“resolusi komprehensif atau ketetapan komprehensif”** ertinya suatu ketetapan yang–
- (a) dipertimbangkan dalam suatu mesyuarat agung perbadanan pengurusan (MC) yang diadakan dengan sewajarnya yang mengenainya notis sekurang-kurangnya tiga puluh hari yang menyatakan ketetapan itu telah diberikan; dan
  - (b) pada akhir tempoh enam puluh hari selepas mesyuarat agung dalam perenggan (a) itu diadakan, pada suatu pengundian, jumlah unit syer bagi petak yang baginya undi yang sah dikira untuk ketetapan itu adalah sekurang-kurangnya dua pertiga daripada unit syer agregat petak-petak semua pemilik yang membentuk MC itu pada akhir tempoh itu.

## BAB 2

### PENGUKURAN

#### 5. PENGENDALIAN UKURAN BAGI PENYEDIAAN PELAN KHAS UNTUK HARTA BERSAMA TERHAD

- 5.1 Subseksyen 17A(1) AHS memperuntukkan MC boleh menetapkan harta bersama terhad (HBT) dan menubuhkan satu atau lebih sub-MC hanya bagi maksud mewakili kepentingan yang berbeza-beza bagi pemilik-pemilik petak melalui suatu resolusi komprehensif yang dijalankan mengikut peruntukan di bawah APS.
- 5.2 Subseksyen 17A(2) AHS memperuntukkan HBT yang ditetapkan melalui resolusi komprehensif yang diluluskan oleh MC hendaklah—
  - 5.2.1 memperihalkan, mengenal pasti atau menetapkan sempadan-sempadan atau kawasan harta bersama terhad itu di dalam suatu pelan khas;
  - 5.2.2 menentukan setiap petak yang terkandung dalam pelan khas itu yang pemilik petak adalah berhak kepada faedah eksklusif harta bersama terhad itu; dan
  - 5.2.3 mematuhi apa-apa butiran lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Pengarah Ukur.
- 5.3 JTB dalam melaksanakan pengukuran bagi memenuhi peruntukkan subseksyen 17A(2) AHS hendaklah mengukur semua harta bersama dan mengenal pasti HBT yang hendak diwujudkan serta harta bersama yang tidak menjadi HBT tetapi akan dikekalkan di bawah MC. JTB hendaklah memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut:
  - 5.3.1 Harta bersama sedia ada yang tidak ditunjukkan dalam pelan akui strata (PAB), contohnya taman permainan, peti surat setempat dan lain-lain;
  - 5.3.2 Tambahan harta bersama yang telah diwujudkan oleh MC dan mendapat kelulusan pihak berkuasa tempatan, contohnya surau, gimnasium dan lain-lain;
  - 5.3.3 HBT yang hendak diwujudkan tetapi tidak mengikut sempadan sedia ada; dan
  - 5.3.4 Harta bersama atau HBT yang tidak dapat diukur, contohnya bumbung, sistem pencegahan kebakaran, saluran pendingin hawa, kabel elektrik/telefon dan lain-lain.



## 5.4 Kerja Luar

### 5.4.1 Menentukan Ketinggian Setiap Tingkat

- (1) Pengukuran ketinggian setiap tingkat hendaklah dibuat dan direkodkan kepada 0.01 meter terhampir.
- (2) Perbezaan aras lantai di antara tingkat (sama ada di bawah atau di atasnya) melalui celah tangga atau mana-mana bahagian yang sesuai di bangunan tersebut, diukur menggunakan alat pengukur jarak elektronik seperti *distometer*, *range finder*, *total station* dan seumpamanya. Penggunaan pita pengukur keluli juga dibenarkan.

### 5.4.2 Menentukan Dimensi Mendatar Bagi HBT

- (1) Penentuan Sempadan
  - (a) Sempadan HBT bermaksud sempadan yang diwujudkan bagi menentukan HBT selepas PAB diluluskan dan mendapat resolusi komprehensif yang dijalankan mengikut peruntukan di bawah APS.
  - (b) Sekiranya terdapat pengubahsuaian kepada binaan asal tanpa kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan, maka sempadan bagi harta bersama hendaklah dirujuk kepada had sempadan bagi harta bersama berdasarkan kepada ciri-ciri binaan kekal sebagaimana yang dikehendaki oleh subperenggan 8A(1)(d)(ii) AHS. Adalah wajar diperhatikan bahawa ciri-ciri binaan kekal tersebut masih wujud untuk membolehkan penentuan had persempadanan petak yang asal bagi menentukan sempadan HBT.
- (2) Ciri-ciri binaan kekal hendaklah ditafsirkan sebagai meliputi semua jenis binaan yang tahan lama dan layak untuk dijadikan rujukan had sempadan. Perlu diberi perhatian bahawa binaan yang tidak bercirikan binaan penuh juga boleh diterima sebagai had persempadanan.

Sebagai contoh yang agak ekstrem, *metal strip* atau *epoxy paint* yang di tanam/di tanda pada lantai yang kekal juga boleh diterima sebagai ciri binaan kekal.

- (3) Pengukuran dimensi mendatar HBT hendaklah dibuat dan direkodkan kepada 0.01 meter terhampir.

- (4) Adalah memadai pengukuran dimensi mendatar dibuat sehingga ke permukaan dinding.
- (5) Ketebalan dinding hendaklah ditentukan dan dilukiskan di atas gambarajah dalam buku kerja luar seperti Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bilangan 1 Tahun 2015 (PKPUP 1/2015).
- (6) Ukuran bagi semua harta bersama hendaklah dibuat untuk mengenal pasti dan menetapkan sempadan-sempadan atau kawasan HBT. Ukuran tersebut hendaklah dibuat secara terperinci ke atas setiap butiran yang berkenaan dan dinyatakan perihal kegunaannya di dalam buku kerja luar.

Contoh kegunaan termasuklah pencawang elektrik, kolam renang, tempat letak kereta/motor pelawat dan OKU, balai pengawal, taman permainan, tempat buang sampah, rumah kelab (gimnasium, dobi, kedai, surau, dewan serba guna dan lain-lain) dan dari aspek laluan (tangga, tangga bergerak, koridor, jejantas, lif dan lain-lain).

- (7) Sekiranya HBT yang terletak di dalam atau di atas bangunan (podium atau bumbung rata) yang hendak diwujudkan tidak mengikut sempadan sedia ada, binaan kekal atau tanda sempadan yang bersesuaian perlu diwujudkan bagi menentukan had di antara suatu HBT dengan HBT yang lain.
- (8) Dalam hal HBT yang terletak di atas tanah dan tidak mengikut sempadan sedia ada, tanda sempadan paip atau pepaku ditanam berserta dengan nilai jarak dan bering diukur mengikut PKPUP 1/2015 bagi menentukan had di antara suatu HBT dengan HBT yang lain.
- (9) Kawasan HBT yang melibatkan keseluruhan bangunan, menara atau podium di mana dinding luar dijadikan sebagai sebahagian HBT hendaklah ditunjukkan dalam PK(HBT) berserta dengan nota yang memperihalkan sempadan HBT adalah sehingga dinding luar.
- (10) Harta bersama atau HBT yang tidak dapat diukur hendaklah diperihalkan bagi menentukan pihak yang akan bertanggung jawab ke atas pengurusannya.

## **BAB 3**

### **PENYEDIAAN PELAN KHAS UNTUK HARTA BERSAMA TERHAD**

#### **6. TANGGUNGJAWAB JURUUKUR TANAH BERLESEN**

- 6.1 Tugas dan tanggungjawab JTB dalam urusan khidmat nasihat berkenaan pewujudan HBT adalah menyediakan cadangan PK(HBT) bagi mendapatkan resolusi komprehensif mengikut peruntukan di bawah APS.
- 6.2 JTB perlu mengemukakan surat permohonan bagi mendapatkan nombor fail HBT, nombor buku kerja luar dan nombor PK(HBT) kepada Pengarah Ukur dengan mengemukakan–
  - 6.2.1 Surat perlantikan JTB daripada MC; dan
  - 6.2.2 Salinan sijil akuan LJT.
- 6.3 JTB perlu menyediakan PK(HBT) berdasarkan PAB dan pelan bangunan yang diluluskan.
- 6.4 Sebelum JTB mengambil tindakan seperti di perenggan 6.2, perkara-perkara berikut perlu diambil perhatian:
  - 6.4.1 MC mendapatkan resolusi untuk membelanjakan sejumlah wang bagi penetapan sub-MC;
  - 6.4.2 Hakmilik strata telah dipindah milik kepada pemilik yang layak menerimanya;
  - 6.4.3 Skim strata yang masih ada blok sementara tidak layak dipertimbangkan;
  - 6.4.4 Jumlah pemilik yang layak mengundi perlu memegang lebih dua pertiga jumlah keseluruhan unit syer;
  - 6.4.5 Setiap sub-MC yang dicadangkan memiliki dua (2) atau lebih pemilik petak; dan
  - 6.4.6 Cadangan PK(HBT) perlu disediakan sebelum pengundian.

## **7. PELAN KHAS UNTUK HARTA BERSAMA TERHAD**

7.1 PK(HBT) hendaklah disediakan bagi–

7.1.1 keadaan di mana bangunan yang di pecah bahagi, PK(HBT) hendaklah mengandungi pelan lokasi, pelan tingkat, jadual harta bersama terhad dan ringkasan jadual harta bersama terhad; manakala

7.1.2 keadaan di mana tanah yang di pecah bahagi, dan dalam hal petak tanah dengan tingkat bawah tanah yang dikongsi, PK(HBT) hendaklah mengandungi pelan lokasi, pelan tandaan, jadual harta bersama terhad dan jadual ringkasan harta bersama terhad, termasuk pelan tingkat.

7.2 Pelan Lokasi

7.2.1 Pelan Lokasi hendaklah mengandungi–

- (1) Tajuk, skala dan petunjuk arah utara;
- (2) Nama negeri atau wilayah persekutuan;
- (3) Nama daerah atau jajahan;
- (4) Nama bandar atau pekan atau mukim;
- (5) Nombor seksyen/presint;
- (6) Nombor lot bersama nombor pelan akui (PA);
- (7) Nombor skim;
- (8) Nombor hakmilik tanah; dan
- (9) Keluasan lot.
- (10) Tanda-tanda sempadan dan sempadan lot tanpa bering dan jarak;
- (11) Sempadan- sempadan lot bersebelahan, abutal, nombor-nombor lot bersebelahan dan jalan-jalan serta namanya;
- (12) Pelan Tapak Bina

Pelan Tapak Bina hendaklah dilukis mengikut skala dan hendaklah menunjukkan maklumat–

- (a) Hujung mendatar setiap bangunan dengan nombor-nombornya sama ada di atas atau di bawah permukaan bumi dengan garisan hitam pekat;

- (b) Hujung mendatar setiap blok menara dengan garisan hitam pekat bersama dengan abjad pengenalan dalam susunan yang betul dalam kes sesuatu bangunan yang mengandungi lebih daripada satu blok menara;

(13) Keratan tegak bangunan

Keratan tegak, biasanya diambil dari pandangan hadapan tiap-tiap bangunan berdasarkan kepada pelan bangunan yang diluluskan atau pelan bangunan yang dilukis di bawah perenggan 8A(1)(c), AHS 1985, hendaklah dilukis pada skala yang sesuai dalam garisan hitam malar serta menunjukkan—

- (a) tajuk termasuk nombor bangunan dan skala;
- (b) lantai dan siling setiap tingkat dan nombor tingkat;
- (c) ketinggian tiap-tiap tingkat kepada 0.1 meter terhampir; dan
- (d) apa-apa maklumat lain yang perlu.

### 7.3 Pelan Tingkat

7.3.1 Pelan tingkat hendaklah disediakan bagi setiap tingkat bangunan yang mempunyai harta bersama.

7.3.2 Pelan tingkat hendaklah mengandungi—

- (1) tajuk yang termasuk nombor bangunan, abjad pengenalan menara, nombor tingkat, nombor petak, nombor petak aksesori dan skala;
- (2) petunjuk arah utara; dan
- (3) petunjuk warna harta bersama dan HBT;

7.3.3 Pelan tingkat dilukis mengikut skala dan hendaklah menunjukkan—

- (1) setiap sempadan petak dan petak aksesori dengan garisan hitam malar;
- (2) kawasan HBT yang dicadangkan hendaklah ditunjukkan dengan garis-garis lorekan warna yang berbeza bagi setiap sub-MC yang dicadangkan;
- (3) setiap langkan yang bukan sebahagian petak hendaklah ditunjukkan dalam garisan putus-putus dan pernyataan “langkan”;
- (4) setiap nombor petak;

- (5) setiap nombor petak aksesori dan dihubung kait dengan nombor petak dalam kurungan;
- (6) ruang untuk kegunaan harta bersama secara keseluruhan hendaklah ditunjukkan yang mana kedudukan dan tiap-tiap kegunaannya dinyatakan secara terperinci.  
  
 Contohnya termasuklah pencawang elektrik, kolam renang, tempat letak kereta/motor pelawat dan OKU, balai pengawal, taman permainan, tempat buang sampah, rumah kelab, gimnasium, dobi, kedai, surau, dewan serba guna dan aspek laluan seperti tangga, tangga bergerak, lif dan seumpamanya;
- (7) abutal-abutal dan nombor-nombor petak bersebelahan, berserta dengan nombor folio pelan khas sekiranya kesemua lantainya tidak boleh ditunjukkan dalam satu folio pelan khas;
- (8) sempadan HBT yang tidak mengikut sempadan sedia ada ditunjukkan dengan garisan merah putus-putus serta menunjukkan jarak dalam 0.1 meter terhampir;
- (9) harta bersama atau HBT yang tidak dapat diukur hendaklah diperihalkan bagi menentukan pihak yang akan bertanggung jawab ke atas pengurusannya. Contohnya bumbung, sistem pencegahan kebakaran dan saluran pendingin hawa; dan
- (10) apa-apa maklumat lain (jika perlu).

#### 7.4 Pelan Tandaan

7.4.1 Pelan tandaan bagi petak tanah hendaklah dilukis mengikut skala dan hendaklah menunjukkan maklumat–

- (1) tajuk, skala dan petunjuk arah utara;
- (2) tanda-tanda sempadan dan sempadan petak tanah;
- (3) nombor petak tanah;
- (4) bagi petak tanah dengan tingkat bawah tanah yang dikongsi, pelan tingkat hendaklah dilukis bagi setiap tingkat bawah tanah dan menunjukkan semua petak aksesori;
- (5) keratan tegak bagi menunjukkan ketinggian tingkat bawah tanah yang dikongsi perlu ditunjukkan yang biasanya dari pandangan hadapan skim perumahan tersebut, jika berkaitan;

- (6) kawasan HBT yang dicadangkan hendaklah ditunjukkan dengan garis-garis lorekan warna yang berbeza bagi setiap sub-MC yang dicadangkan;
- (7) kawasan harta bersama yang tidak dicadangkan sebagai HBT hendaklah ditunjukkan dengan garis-garis lorekan warna kuning;
- (8) sempadan HBT yang tidak mengikut sempadan sedia ada hendaklah ditunjukkan dengan garisan merah putus-putus serta menunjukkan bering dan jarak;
- (9) harta bersama atau HBT yang tidak dapat diukur bolehlah diperihalkan bagi menentukan pihak yang akan bertanggung jawab ke atas pengurusannya. Contohnya bumbung, sistem pencegahan kebakaran dan saluran pendingin hawa; dan
- (10) apa-apa maklumat lain (jika perlu);

## 7.5 Jadual Harta Bersama Terhad

7.5.1 Jadual harta bersama terhad bagi setiap HBT hendaklah mengandungi:

- (1) Tajuk dengan keterangan HBT;
- (2) Nombor petak;
- (3) Nombor PK(HBT);
- (4) Nilai unit syer setiap petak berkenaan;
- (5) Jumlah kecil unit syer bagi semua pemilik petak yang berhak kepada faedah eksklusif HBT dalam setiap jadual harta bersama terhad sekiranya memerlukan lebih daripada satu jadual;
- (6) Jumlah unit syer bagi semua pemilik petak yang berhak kepada faedah eksklusif HBT berkenaan.

## 7.6 Ringkasan Jadual Harta Bersama Terhad

7.6.1 Ringkasan jadual harta bersama terhad perlu disediakan bagi menunjukkan ringkasan unit syer bagi semua pemilik petak yang berhak kepada faedah eksklusif setiap HBT yang berada dalam skim tersebut.

7.6.2 Ringkasan jadual harta bersama terhad hendaklah mengandungi:

- (1) tajuk;
- (2) nombor HBT;
- (3) keterangan HBT;
- (4) nombor-nombor petak bagi setiap HBT;
- (5) jumlah petak bagi setiap HBT;
- (6) jumlah unit syer bagi semua pemilik petak yang berhak kepada faedah eksklusif bagi setiap HBT;
- (7) peratusan unit syer bagi semua pemilik petak yang berhak kepada faedah eksklusif bagi setiap HBT;
- (8) lokasi HBT;
- (9) jumlah keseluruhan petak bagi Skim;
- (10) jumlah keseluruhan unit syer bagi Skim; dan
- (11) jumlah keseluruhan peratusan unit syer hendaklah 100%.

7.7 Pelan Indeks Bagi Pelan Tingkat Atau Pelan Tandaan

Sekiranya terdapat mana-mana tingkat yang luas sehingga menyebabkan penyediaan pelan tingkat atau pelan tandaan melebihi satu (1) folio pelan, JTB perlu menyediakan Pelan Indeks bagi menunjukkan keseluruhan lantai bagi tingkat berkenaan atau pelan tandaan.



## 7.8 Perakuan Juruukur Tanah Berlesen

Perakuan JTB pada PK(HBT) adalah seperti berikut:

Saya \_\_\_\_\_ seorang Juruukur Tanah yang dilesenkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 [*Akta 458*], memperakui bahawa pengukuran Harta Bersama Terhad dari mana pelan ini telah disediakan menurut kehendak subseksyen 17A(2) Akta Hakmilik Strata 1985 [*Akta 318*], dijalankan oleh saya atau di bawah arahan saya sendiri secara langsung di lapangan, dan bahawa pelan ini mewakili pengukuran yang disempurnakan pada ..... haribulan ..... 20.....

Bahawa saya bertanggungjawab sepenuhnya ke atas salah betulnya pelan ini.

Bertarikh ..... haribulan ..... 20 .....

.....  
Juruukur Tanah yang dilesenkan di bawah Akta 458

## 7.9 Perakuan Pengarah Ukur

Perakuan Pengarah Ukur pada PK(HBT) adalah seperti berikut:

Pelan Khas ini telah disemak dan didapati TERATUR menurut kehendak subseksyen 17A(4) Akta Hakmilik Strata 1985 [*Akta 318*].

Bertarikh ..... haribulan ..... 20 .....

.....  
(Nama Pengarah Ukur)  
Pengarah Ukur dan Pemetaan .....

## 7.10 Contoh PK(HBT) adalah seperti di **Lampiran PK(HBT) 1** dan **PK (HBT) 2**.

## BAB 4

### PERMOHONAN PENUBUHAN PERBADANAN PENGURUSAN SUBSIDIARI

#### 8. AM

- 8.1 MC dikehendaki membuat permohonan mengikut peruntukan di bawah seksyen 17A AHS menggunakan Borang 9 selepas mendapat resolusi komprehensif bagi kelulusan Pengarah Tanah dan Galian (PTG) untuk pengeluaran perakuan sub-MC yang dipohon.
- 8.2 Sebelum mengemukakan PK(HBT) bersama permohonan kepada PTG, adalah menjadi tanggungjawab JTB yang dilantik bagi memastikan tidak berlaku sebarang pindaan sempadan HBT selepas resolusi komprehensif diperolehi. Satu resolusi komprehensif yang baru perlu diperolehi jika sempadan HBT dipinda selepas resolusi komprehensif diperolehi.
- 8.3 Ringkasan carta alir proses permohonan adalah seperti di **Lampiran A**.

#### 9. TINDAKAN PENGARAH UKUR SELEPAS MENERIMA PERMOHONAN NOMBOR FAIL HBT, NOMBOR BUKU KERJALUAR HBT DAN NOMBOR PELAN HBT DARIPADA JTB

- 9.1 Sebaik sahaja menerima permohonan daripada JTB, Pengarah Ukur hendaklah:-
  - 9.1.1 menyebabkan satu sub-fail daripada nombor fail asal permohonan strata dibuka. Sebagai contoh, sekiranya Fail Permohonan Pecah Bahagi Bangunan sebelum ini adalah PUBLJB1\_2010, nombor sub-fail bagi permohonan PK(HBT) adalah PUBLJB1\_2010(HBT);
  - 9.1.2 menyebabkan nombor buku kerjalar dan nombor PK(HBT) didaftar dan dibekalkan kepada JTB berkenaan. Sebagai contoh, sekiranya nombor buku kerjalar sebelum ini adalah BK 1010, nombor sub-buku kerjalar bagi permohonan PK(HBT) adalah BK 1010(HBT);
  - 9.1.3 mengemas kini buku daftar pelan khas HBT yang mengandungi maklumat-maklumat nombor fail, nombor PK(HBT), nombor buku kerjalar, nombor skim dan nama skim, nama JTB dan status permohonan. Contoh format Buku Daftar Pelan Khas HBT adalah seperti di **Lampiran B**.

## 10. PROSEDUR PERMOHONAN

- 10.1 Semasa mengemukakan permohonan kepada PTG, JTB dikehendaki mengemukakan dokumen-dokumen berikut:
  - 10.1.1 Borang 9;
  - 10.1.2 Fi yang ditetapkan;
  - 10.1.3 Resit cukai tanah semasa;
  - 10.1.4 Satu salinan resolusi komprehensif bersama dengan perakuan yang ditandatangani oleh Pesuruhjaya Bangunan;
  - 10.1.5 Buku kerjalar;
  - 10.1.6 Empat (4) set PK(HBT) di atas kertas plotan berlamina; dan
  - 10.1.7 Satu (1) set PK(HBT) di atas kertas *polyster* untuk didepositkan di bilik kebal JUPEM Negeri sekiranya ulasan teratur.

## 11. TINDAKAN PENGARAH UKUR SELEPAS MENERIMA PK(HBT) DARIPADA PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI

- 11.1 Sebaik sahaja menerima PK(HBT) daripada PTG, Pengarah Ukur hendaklah menyebabkan PK(HBT) disemak serta menjalankan apa-apa kerja semakan berpandukan senarai semak seperti di **Lampiran C**.
- 11.2 Bayaran semakan adalah berdasarkan kepada kadar semakan kerja di pejabat dan kerjalar yang dikeluarkan oleh pihak JUPEM.

## 12. PROSES SEMAKAN PERMOHONAN PK(HBT)

- 12.1 Proses semakan dibuat berdasarkan kepada prinsip-prinsip berikut:
  - 12.1.1 Semua kerja ukur yang telah dilaksanakan mematuhi kehendak AHS dan peraturan-peraturan JUPEM;
  - 12.1.2 PK(HBT) yang dikemukakan hendaklah berdasarkan maklumat ukuran yang telah dibuat di lapangan;
  - 12.1.3 Kerja yang dijalankan telah disemak sepenuhnya oleh JTB berkenaan sebelum dihantar ke JUPEM Negeri untuk ulasan Pengarah Ukur; dan

12.1.4 Salah betul kerja yang dikemukakan adalah menjadi tanggungjawab JTB berkenaan.

## 12.2 Semakan Dokumen Permohonan

12.2.1 Semakan ke atas salinan dokumen hendaklah dibuat bagi memastikan beberapa syarat utama dipatuhi sebelum semakan lapangan dijalankan. Perkara-perkara seperti di Bahagian I, **Lampiran C** hendaklah disemak dalam tempoh **7 hari** daripada tarikh penerimaan dokumen.

12.2.2 Sekiranya terdapat kesilapan dari segi persembahan pelan, dokumen permohonan akan dikembalikan kepada JTB dan hendaklah diambil tindakan pembetulan serta dikemukakan semula dalam tempoh **14 hari** dari tarikh pertanyaan. Kegagalan mengembalikan pertanyaan dalam tempoh yang ditetapkan boleh menyebabkan ulasan tidak teratur dikeluarkan.

## 12.3 Semakan di Lapangan

12.3.1 Perkara-perkara seperti di Bahagian II, **Lampiran C** hendaklah disemak dalam tempoh **21 hari** daripada tarikh penerimaan dokumen.

12.3.2 Bagi HBT yang terletak di atas permukaan tanah hendaklah dipastikan terdapat tanda sempadan paip atau pepaku, binaan berdinding, pagar, bangunan dan sebarang tanda lain yang difikirkan munasabah bagi memisahkan atau menunjukkan kawasan HBT yang berasingan tersebut.

12.3.3 Bagi kawasan HBT yang terletak di atas atau di dalam bangunan, hendaklah dipastikan terdapat tandaan sempadan seperti paku, pepaku, *metal strip*, binaan berdinding, pagar, bangunan, permukaan simen/lantai yang berlainan jenis atau marmar atau sebarang tanda lain yang difikirkan munasabah bagi memisahkan atau menunjukkan kawasan HBT yang berasingan tersebut.

## 12.4 Ulasan Permohonan PK(HBT)

- 12.4.1 Pengarah Ukur hendaklah memaklumkan kepada PTG, pemohon, JTB dan Lembaga Juruukur Tanah Malaysia sama ada permohonan tersebut teratur atau tidak. Bagi permohonan yang teratur, satu surat ulasan TERATUR akan dikeluarkan kepada pemohon dalam tempoh **30 hari** dari tarikh terima permohonan yang lengkap.
- 12.4.2 Bagi permohonan yang teratur, tiga (3) salinan PK(HBT) yang telah disahkan teratur akan dihantar kepada PTG. Contoh surat seperti di **Lampiran D**.
- 12.4.3 Bagi kes permohonan yang TIDAK TERATUR hendaklah dimaklumkan kepada PTG, pemohon, JTB dan Lembaga Juruukur Tanah Malaysia. Contoh surat adalah seperti di **Lampiran E**.
- 12.4.4 Sekiranya pemohon ingin meminda PK(HBT) selepas perakuan dikeluarkan, pemohon perlu mendapatkan semula resolusi komprehensif mengikut peruntukan di bawah APS dan mengajukan kepada pihak PTG untuk melaksanakan pindaan ke atas PK(HBT) berkenaan. Permohonan semula perlu dikemukakan dan dianggap sebagai permohonan baru.

## 12.5 Tempoh Semakan

Tempoh semakan permohonan PK(HBT) hendaklah disiapkan dalam tempoh **30 hari** dari tarikh terima dokumen permohonan yang lengkap.


## 12.6 Kaedah Penyerahan Ulasan

Tiga (3) salinan PK(HBT) dan surat rasmi ulasan daripada Pengarah Ukur hendaklah diserahkan kepada PTG secara pos berdaftar atau serahan tangan.

## 12.7 Buku Daftar Pelan Khas HBT

Mengemaskinikan maklumat-maklumat yang berkenaan di dalam buku daftar PK(HBT).

CARTA ALIR PERMOHONAN PENUBUHAN SUB-MC



**BUKU DAFTAR PK(HBT)**

<b>BIL</b>	<b>NO. FAIL</b>	<b>NO. PK(HBT)</b>	<b>NO. BUKU KERJA LUAR</b>	<b>NO. SKIM &amp; NAMA SKIM</b>	<b>NAMA JTB</b>	<b>STATUS</b>
1.	PUBLJB1_2010(HBT)	PK(HBT) 1-1 hingga PK(HBT) 1-60	1010(HBT)-1 hingga 1010(HBT)-39	2020  D'BIZ SQUARE	Sr Sharil bin Rahman	TERATUR
2.	PUBLJB15_2013(HBT)	PK(HBT) 2-1 hingga PK(HBT) 2-101	1016(HBT)-1 hingga 1016(HBT)-20	2021  AUSTIN 18	Sr Yip Keong Meng	TERATUR
3.	PUBLJB33_2016(HBT)	PK(HBT) 3-1 hingga PK(HBT) 3-66	1026(HBT)-1 hingga 1026(HBT)-98	2022  KOMTAR JBCC	Sr Maniam A/L Muniandy	DALAM SEMAKAN

**Nota:**

- Nombor buku kerjaluar asal yang digunakan semasa permohonan pecah bahagi bangunan atau petak tanah terdahulu digunakan dengan ditambah (HBT) dan diikuti dengan nombor folio buku kerja luar bermula dari angka satu (1) dan seterusnya.
- Nombor Skim adalah nombor dari permohonan pecah bahagi bangunan atau petak tanah terdahulu.

SENARAI SEMAK PERMOHONAN PK (HBT)

NO. FAIL UKUR: \_\_\_\_\_

NAMA JURUUKUR TANAH BERLESEN : \_\_\_\_\_

I	SEMAKAN DOKUMEN	ADA/ TIADA (✓/X)	TERATUR/ TIDAK (✓/X)	CATATAN
	1. Surat Permohonan daripada pihak PTG Negeri	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	_____
	2. Surat lantikan Jurukur Tanah Berlesen	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	_____
	3. Satu (1) salinan Borang 9 yang diperakui sah oleh PTG Negeri	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	_____
	4. Satu (1) salinan resolusi komprehensif	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	_____
	5. Satu (1) salinan sijil perbadanan pengurusan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	_____
	6. Buku kerjalar Buku Kerjalar atau data kerjalar berdigit	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	_____
	7. Empat (4) set PK(HBT) bagi tujuan dihantar ke PTG Negeri	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	_____
	8. Satu (1) PK(HBT) di atas kertas polyster: untuk didepositkan di bilik kebal simpanan JUPEM Negeri sekiranya ulasan teratur	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	_____
	<b>Maklumat di atas PK(HBT)</b>			
	1. Skala ditunjukkan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	_____
	2. Harta bersama umum dilorekkan kuning, harta bersama terhad dilorekkan dengan warna berlainan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	_____
	3. Maklumat kegunaan harta bersama ditunjukkan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	_____
	4. Nombor petak/petak tanah dan petak aksesori ditunjukkan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	_____
	5. Semua tajuk dan arah utara ditunjukkan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	_____



II	SEMAKAN DI LAPANGAN	ADA/ TIADA (✓/X)	TERATUR/ TIDAK (✓/X)	CATATAN
1.	Tanda sempadan bagi HBT (termasuklah sebarang binaan kekal) ditunjukkan– i. atas bangunan – pepaku/paku ii. atas tanah – paip besi/pepaku	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	_____
2.	Jalan masuk ke HBT tidak melintasi HBT lain sebaliknya melalui harta bersama umum	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	_____
3.	Harta bersama dan HBT yang ditunjukkan adalah serupa kedudukan seperti di dalam pelan khas	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	_____
4.	Gambar semakan HBT terutamanya bagi kawasan HBT yang bermasalah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	_____
5.	Data semakan kawasan bangunan yang bermasalah direkodkan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	_____
6.	Sediakan laporan ketidakpatuhan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	_____

Tandatangan Pegawai: \_\_\_\_\_

Nama: ( )

Tarikh:

## LAMPIRAN D

Rujukan Tuan :  
Rujukan Kami :  
Tarikh :

Pengarah Tanah dan Galian .....,

Tuan,

**Permohonan Pelan Khas Untuk Harta Bersama Terhadap Bagi Skim.....**

**Geran ....., Lot ....., Mukim ....., Daerah ....., Negeri.....**

---

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Jabatan ini telah menyemak permohonan tersebut seperti yang dikehendaki di bawah seksyen 17A, Akta Hakmilik Strata 1985 dan setakat yang telah diperiksa adalah didapati **TERATUR**. Jumlah fi yang perlu dikutip adalah RM.....

3. Bersama ini disertakan tiga (3) salinan cadangan Pelan Khas Harta Bersama Terhadap [PK(HBT)] yang telah diperakui teratur.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'  
'NEGARAKU, ALAM SEKITARKU'**

Saya yang menurut perintah,

( Nama Pengarah Ukur )

Pengarah Ukur dan Pemetaan .....

s.k.:

1. Pemohon
2. Juruukur Tanah Berlesen
3. Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
(u.p: Pengarah Ukur Bahagian Kadaster)
4. Lembaga Juruukur Tanah Malaysia

## LAMPIRAN E

Rujukan Tuan :  
Rujukan Kami :  
Tarikh :

Pengarah Tanah dan Galian .....

Tuan,

**Permohonan Pelan Khas Untuk Harta Bersama Terhadap Bagi Skim .....,  
Geran ....., Lot ....., Mukim ....., Daerah ....., Negeri.....**

---

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Jabatan ini telah menyemak permohonan tersebut seperti yang dikehendaki di bawah seksyen 17A, Akta Hakmilik Strata 1985 dan setakat yang telah diperiksa adalah didapati **TIDAK TERATUR**.

3. Berikut adalah butiran ketidakpatuhan permohonan tersebut:

3.1 .....

3.2 .....

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'  
'NEGARAKU, ALAM SEKITARKU'**

Saya yang menurut perintah,

( Nama Pengarah Ukur )  
Pengarah Ukur dan Pemetaan .....


s.k.:

1. Pemohon
2. Juruukur Tanah Berlesen
3. Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
(u.p: Pengarah Ukur Bahagian Kadaster)
4. Lembaga Juruukur Tanah Malaysia


## **LAMPIRAN PK (HBT) 1**

**Pelan Khas Harta Bersama Terhadap Bangunan**

PELAN KHAS (HARTA BERSAMA TERHAD)  
 NEGERI JOHOR  
 DAERAH JOHOR BAHRU  
 BANDAR JOHOR BAHRU  
 LOT 2028 (PA 10073)  
 NOMBOR HAKMILIK: GRN 10104  
 KELUASAN LOT: 17,196m<sup>2</sup>  
 NOMBOR SKIM: 1234  
 SKALA 1 : 2500



PELAN TINGKAT  
 BANGUNAN M1  
 TINGKAT B3  
 PETAK AKSESORI A1 DAN A2  
 SKALA 1: 800  
 PA(B) 16930-01 HINGGA 16930-02




PETUNJUK:

- HBT 1 HARTA BERSAMA TERHAD KOMPLEKS BELU-BELAH
- HBT 2 HARTA BERSAMA TERHAD PEJABAT
- HBT 3 HARTA BERSAMA TERHAD HOTEL
- HARTA BERSAMA

- AHU: PENGINGIN HAWA
- AIR: SALURAN AIR
- BK: LANTAI RUANG UDARA
- EK: SALURAN ELEKTRIK
- HR: GELUNG HOS
- RU: RUANG UDARA
- TEL: SALURAN TELEFON
- THA: TANGKI AIR BOMBA
- TSK: TANGKI SIMPANAN AIR
- MATV: MULTIPLE ACCESS TELEVISION
- PABX: PRIVATE AUTOMATIC BRANCH EXCHANGE
- SDF: SUBSCRIBER DISTRIBUTION FRAME
- WC: WATER CLOSET

TEMPAT LETAK KERETA



NOTA : DINDING LUAR TINGKAT B3 HINGGA B1 ADALAH HARTA BERSAMA PERBADANAN PENGURUSAN.

Saya ..... seorang Jurukur Tanah yang dilesenkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958 [ Akta 458], memperaku bahawa pengukuran Harta Bersama Terhad dari mana pelan ini telah disediakan menurut kehendak subseksyen 17A(2) Akta Hakmilik Strata 1985 [ Akta 318], dijalankan oleh saya atau di bawah arahan saya sendiri secara langsung di lapangan, dan bahawa pelan ini mewakili pengukuran yang disempurnakan pada ..... habbuan ..... 20.....

Bahawa saya bertanggungjawab sepenuhnya ke atas salah betulnya pelan ini.

Bertarikh ..... habbuan ..... 20.....

Jurukur Tanah yang dilesenkan di bawah Akta 458

FAIL UKUR: PUBLJB100. 2010 (HBT)  
 FAIL PEJ. TANAH: PTG/15/25/2010  
 PETA KADASTER 100-A  
 BUKU KERJALUAR: BK 1010 (HBT)


Pelan Khas ini telah disemak dan didapati TERATUR menurut kehendak subseksyen 17A(4) Akta Hakmilik Strata 1985 [ Akta 318].

Bertarikh ..... habbuan ..... 20.....

(NAMA PENGARAH UKUR DAN PEMETANAN NEGERI)  
 Pengarah Ukur dan Pemetan Johor

PK(HBT) 10-1

**PELAN KHAS (HARTA BERSAMA TERHAD)  
NEGERI JOHOR  
DAERAH JOHOR BAHRU  
BANDAR JOHOR BAHRU  
LOT 2028 (PA 10073)  
NOMBOR HAKMILIK: GRN 10104  
KELUASAN LOT: 17,196m<sup>2</sup>  
NOMBOR SKIM: 1234  
SKALA 1 : 2500**



Saya ..... seorang Jurukur Tanah yang dilesenkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958 [ Akta 458], memperakui bahawa pengukuran Harta Bersama Terhad dari mana pelan ini telah disediakan menurut kehendak subseksyen 17A(2) Akta Hakmilik Strata 1985 [ Akta 318], dijalankan oleh saya atau di bawah arahan saya sendiri secara langsung di lapangan, dan bahawa pelan ini mewakili pengukuran yang disempurnakan pada ..... habbulan ..... 20.....

Bahawa saya bertanggungjawab sepenuhnya ke atas salah betulnya pelan ini.

Bertarikh ..... habbulan ..... 20.....

Jurukur Tanah yang dilesenkan di bawah Akta 458

**FAIL UKUR: PUBLJB100, 2010 (HBT)  
FAIL PEJ. TANAH: PTG/15/25/2010  
PETA KADASTER 100-A  
BUKU KERJALUAR: BK 1010 (HBT)**


Pelan Khas ini telah disemak dan didapati TERATUR menurut kehendak subseksyen 17A(4) Akta Hakmilik Strata 1985 [ Akta 318].

Bertarikh ..... habbulan ..... 20.....

(NAMA PENGARAH UKUR DAN PEMETAN NEGERI)  
Pengaruh Ukur dan Pemetan Johor

**PK(HBT) 10-2**

**PELAN TINGKAT  
BANGUNAN M1  
TINGKAT B2  
PETAK 1 HINGGA 2 DAN PETAK AKSESORI A2  
SKALA 1:800  
PA(B) 16930-03 HINGGA 16930-04**




**PETUNJUK:**

- HBT 1 HARTA BERSAMA TERHAD KOMPLEKS BELU-BELAH
- HBT 2 HARTA BERSAMA TERHAD PEJABAT
- HBT 3 HARTA BERSAMA TERHAD HOTEL
- HARTA BERSAMA


- AHU: PENGINN HAWA
- AIR: SALURAN AIR
- BK: LANTAI RUANG UDARA
- EK: SALURAN ELEKTRIK
- HR: SELUNG HOS
- RU: RUANG UDARA
- TEL: SALURAN TELEFON
- THA: TANGKI AIR BOMBA
- TSA: TANGKI SIMPANAN AIR
- MATV: MULTIPLE ACCES TELEVISION
- PABX: PRIVATE AUTOMATIC BRANCH EXCHANGE
- SDF: SUBSCRIBER DISTRIBUTION FRAME
- WC: WATIR CLOSE

NOTA : DINDING LUAR TINGKAT B3 HINGGA B1 ADALAH HARTA BERSAMA PERBADANAN PENGURUSAN.

PELAN KHAS (HARTA BERSAMA TERHAD)  
 NEGERI JOHOR  
 DAERAH JOHOR BAHRU  
 BANDAR JOHOR BAHRU  
 LOT 2028 (PA 10073)  
 NOMBOR HAKMILIK: GRN 10104  
 KELUASAN LOT: 17,196m<sup>2</sup>  
 NOMBOR SKIM: 1234  
 SKALA 1 : 2500



PELAN TINGKAT  
 BANGUNAN M1  
 TINGKAT B1  
 PETAK 3 HINGGA 72 DAN PETAK AKSESORI A2  
 SKALA 1:800  
 PA(B) 16930-05 HINGGA 16930-07



PETUNJUK:

- HBT 1 HARTA BERSAMA TERHAD KOMPLEKS BELU-BELAH
- HBT 2 HARTA BERSAMA TERHAD PEJABAT
- HBT 3 HARTA BERSAMA TERHAD HOTEL
- HARTA BERSAMA

- AHU: PENDINGIN HAWA
- AIR: SALURAN AIR
- BK: LANTAI RUANG UDARA
- EK: SALURAN ELEKTRIK
- HR: SELURAN HOS
- RU: RUANG UDARA
- TEL: SALURAN TELEFON
- THA: TANGKI AIR BOMBA
- TSA: TANGKI SIMPANAN AIR
- MATV: MULTIPLE ACCES TELEVISION
- PABX: PRIVATE AUTOMATIC BRANCH EXCHANGE
- SDF: SUBSCRIBER DISTRIBUTION FRAME
- WC: WATER CLOSET

Saya ..... seorang Jurukur Tanah yang dilisenkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958 [ Akta 458], memperaku bahawa pengukuran Harta Bersama Terhad dari mana pelan ini telah disediakan menurut kehendak subseksyen 17A(2) Akta Hakmilik Strata 1985 [ Akta 318], dijalankan oleh saya atau di bawah arahan saya sendiri secara langsung di lapangan, dan bahawa pelan ini mewakili pengukuran yang disempurnakan pada ..... habbuan ..... 20.....

Bahawa saya bertanggungjawab sepenuhnya ke atas salah betulnya pelan ini.

Bertarikh ..... habbuan ..... 20.....

Jurukur Tanah yang dilisenkan di bawah Akta 458

FAIL UKUR: PUBLJB100, 2010 (HBT)  
 FAIL PEJ. TANAH: PTG/15/25/2010  
 PETA KADASTER 100-A  
 BUKU KERJALUAR: BK 1010 (HBT)

Pelan Khas ini telah disemak dan didapati TERATUR menurut kehendak subseksyen 17A(4) Akta Hakmilik Strata 1985 [ Akta 318].


Bertarikh ..... habbuan ..... 20.....

(NAMA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN NEGERI)  
 Pengarah Ukur dan Pemetaan Johor



PK(HBT) 10-3

NOTA : DINDING LUAR TINGKAT B3 HINGGA B1 ADALAH HARTA BERSAMA PERBADANAN PENGURUSAN.


PELAN KHAS (HARTA BERSAMA TERHAD) Negeri Johor  
 DAERAH JOHOR BAHRU  
 BANDAR JOHOR BAHRU  
 LOT 2028 (PA 10073)  
 NOMBOR HAKMILIK: GRN 10104  
 KELUASAN LOT: 17,196m<sup>2</sup>  
 NOMBOR SKIM: 1234  
 SKALA 1 : 2500



PELAN TINGKAT BANGUNAN M1  
 TINGKAT 1  
 PETAK 73 HINGGA 133 DAN PETAK AKSESORI A3 DAN A4  
 SKALA 1:800  
 PA(B) 16930-08 HINGGA 16930-10



PELAN TINGKAT BANGUNAN M1  
 MEZANIN N1  
 PETAK 134 DAN 135  
 SKALA 1:800  
 PA(B) 16930-08



PETUNJUK:

- HBT 1 HARTA BERSAMA TERHAD KOMPLEKS BELU-BELAH
- HBT 2 HARTA BERSAMA TERHAD PELJABAT
- HBT 3 HARTA BERSAMA TERHAD HOTEL
- HARTA BERSAMA

- AHU: PENDINGIN HAWA
- AIR: SALURAN AIR
- BK: LANTAI RUANG UDARA
- EK: SALURAN ELEKTRIK
- HR: SELUNG HOS
- RU: RUANG UDARA
- TEL: SALURAN TELEFON
- THA: TANGKI AIR BOMBA
- TSA: TANGKI SIMPANAN AIR
- MATV: MULTIPLE ACCESS TELEVISION
- PA&B: PRIVATE AUTOMATIC BRANCH EXCHANGE
- SDF: SUBSCRIBER DISTRIBUTION FRAME
- WC: WATER CLOSET

Saya ..... seorang Jurukur Tanah yang dilesenkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958 [ Akta 458], memperakui bahawa pengukuran Harta Bersama Terhad dari mana pelan ini telah disediakan menurut kehendak subseksyen 17A(2) Akta Hakmilik Strata 1985 [ Akta 318], dijalankan oleh saya atau di bawah arahan saya sendiri secara langsung di lapangan, dan bahawa pelan ini mewakili pengukuran yang disempurnakan pada ..... habulan ..... 20.....

Bahawa saya bertanggungjawab sepenuhnya ke atas salah betulnya pelan ini.

Bertarikh ..... habulan ..... 20.....

Jurukur Tanah yang dilesenkan di bawah Akta 458

FAIL UKUR: PUBLJB100, 2010 (HBT)  
 FAIL PEJ. TANAH: PTG/15/25/2010  
 PETA KADASTER 100-A  
 BUKU KERJALUAR: BK 1010 (HBT)

Pelan Khas ini telah disemak dan didapati TERATUR menurut kehendak subseksyen 17A(4) Akta Hakmilik Strata 1985 [ Akta 318].

Bertarikh ..... habulan ..... 20.....


(NAMA PENGARAH UKUR DAN PEMETAN NEGERI)  
 Pengarah Ukur dan Pemetan Johor

PK(HBT) 10-4


NOTA : DINDING LUAR TINGKAT 1 HINGGA 5 ADALAH HARTA BERSAMA TERHAD KOMPLEKS BELU-BELAH.



**PELAN KHAS (HARTA BERSAMA TERHAD) Negeri Johor**  
**DAERAH JOHOR BAHRU**  
**BANDAR JOHOR BAHRU**  
**LOT 2028 (PA 10073)**  
**NOMBOR HAKMILIK: GRN 10104**  
**KELUASAN LOT: 17,196m<sup>2</sup>**  
**NOMBOR SKIM: 1234**  
**SKALA 1 : 2500**



**PELAN TINGKAT**  
**TINGKAT 2**  
**PETAK 137 HINGGA 230 DAN PETAK AKSESORI A2 DAN A5**  
**SKALA 1:800**  
**PA(B) 16930-11 HINGGA 16930-13**



**PETUNJUK:**

- HBT 1 HARTA BERSAMA TERHAD KOMPLEKS BELU-BELAH
- HBT 2 HARTA BERSAMA TERHAD PELJABAT
- HBT 3 HARTA BERSAMA TERHAD HOTEL
- HARTA BERSAMA

- AHU: PENDINGIN HAWA
- AIR: SALURAN AIR
- BK: LANTAI RUANG UDARA
- EK: SALURAN ELEKTRIK
- HR: SELUNG HOS
- RU: RUANG UDARA
- TEL: SALURAN TELEFON
- THA: TANGKI AIR BOMBA
- TSA: TANGKI SIMPANAN AIR
- MATV: MULTIPLE ACCES TELEVISION
- PAEX: PRIVATE AUTOMATIC BRANCH EXCHANGE
- SDF: SUBSCRIBER DISTRIBUTION FRAME
- WC: WATER CLOSET

Saya ..... seorang Jurukur Tanah yang dilaksanakan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958 [ Akta 458], memperakui bahawa pengukuran Harta Bersama Terhad dari mana pelan ini telah disediakan menurut kehendak subseksyen 17A(2) Akta Hakmilik Strata 1985 [ Akta 318], dijalankan oleh saya atau di bawah arahan saya sendiri secara langsung di lapangan, dan bahawa pelan ini mewakili pengukuran yang disempurnakan pada ..... habbulan ..... 20.....

Bahawa saya bertanggungjawab sepenuhnya ke atas salah betulnya pelan ini.

Bertarikh ..... habbulan ..... 20.....

Jurukur Tanah yang dilaksanakan di bawah Akta 458

**FAIL UKUR: PUBLJB100. 2010 (HBT)**  
**FAIL PEJ. TANAH: PTG/15/25/2010**  
**PETA KADASTER 100-A**  
**BUKU KERJALUAR: BK 1010 (HBT)**

Pelan Khas ini telah disemak dan didapati TERATUR menurut kehendak subseksyen 17A(4) Akta Hakmilik Strata 1985 [ Akta 318].


Bertarikh ..... habbulan ..... 20.....

(NAMA PENGARAH UKUR DAN PEMETANAN NEGERI)  
 Pengarah Ukur dan Pemetan Johor


**PK(HBT) 10-5**

NOTA : DINDING LUAR TINGKAT 1 HINGGA 5 ADALAH HARTA BERSAMA TERHAD KOMPLEKS BELU-BELAH.

PELAN KHAS (HARTA BERSAMA TERHAD)  
 NEGERI JOHOR  
 DAERAH JOHOR BAHRU  
 BANDAR JOHOR BAHRU  
 LOT 2028 (PA 10073)  
 NOMBOR HAKMILIK: GRN 10104  
 KELUASAN LOT: 17,196m<sup>2</sup>  
 NOMBOR SKIM: 1234  
 SKALA 1 : 2500



PELAN TINGKAT  
 BANGUNAN M1  
 TINGKAT 3  
 PETAK 231 HINGGA 300 DAN PETAK AKSESORI A2 DAN A5  
 SKALA 1:800  
 PA(B) 16930-14 HINGGA 16930-16



PETUNJUK:

- HBT 1 HARTA BERSAMA TERHAD KOMPLEKS BEL-BELAH
- HBT 2 HARTA BERSAMA TERHAD PEJABAT
- HBT 3 HARTA BERSAMA TERHAD HOTEL
- HARTA BERSAMA

- AHU: PENDINGIN HAWA
- AIR: SALURAN AIR
- BK: LANTAI RUANG UDARA
- EK: SALURAN ELEKTRIK
- HR: GELUNG HOS
- RU: RUANG UDARA
- TEL: SALURAN TELEFON
- THA: TANGKI AIR BOMBA
- TSA: TANGKI SIMPANAN AIR
- MATV: MULTIPLE ACCES TELEVISION
- PABX: PRIVATE AUTOMATIC BRANCH EXCHANGE
- SDF: SUBSCRIBER DISTRIBUTION FRAME
- WC: WATER CLOSET

Saya ..... seorang Jurukur Tanah yang dilisenkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958 [ Akta 458], memperakui bahawa pengukuran Harta Bersama Terhadap dari mana pelan ini telah disediakan menurut kehendak subseksyen 17A(2) Akta Hakmilik Strata 1985 [ Akta 318], dijalankan oleh saya atau di bawah arahan saya sendiri secara langsung di lapangan, dan bahawa pelan ini mewakili pengukuran yang disempurnakan pada ..... habulan ..... 20.....

Bahawa saya bertanggungjawab sepenuhnya ke atas salah betulnya pelan ini.

Bertarikh ..... habulan ..... 20.....

Jurukur Tanah yang dilisenkan di bawah Akta 458

FAIL UKUR: PUBLJB100, 2010 (HBT)  
 FAIL PEJ. TANAH: PTG/15/25/2010  
 PETA KADASTER 100-A  
 BUKU KERJALUAR: BK 1010 (HBT)

Pelan Khas ini telah disemak dan didapati TERATUR menurut kehendak subseksyen 17A(4) Akta Hakmilik Strata 1985 [ Akta 318].


Bertarikh ..... habulan ..... 20.....

(NAMA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN NEGERI)  
 Pengarah Ukur dan Pemetaan Johor


PK(HBT) 10-6

NOTA : DINDING LUAR TINGKAT 1 HINGGA 5 ADALAH HARTA BERSAMA TERHAD KOMPLEKS BEL-BELAH.

PELAN KHAS (HARTA BERSAMA TERHAD)  
 NEGERI JOHOR  
 DAERAH JOHOR BAHRU  
 BANDAR JOHOR BAHRU  
 LOT 2028 (PA 10073)  
 NOMBOR HAKMILIK: GRN 10104  
 KELUASAN LOT: 17,196m<sup>2</sup>  
 NOMBOR SKIM: 1234  
 SKALA 1 : 2500



PELAN TINGKAT  
 BANGUNAN M1  
 TINGKAT 4  
 PETAK 301 HINGGA 352 DAN PETAK AKSESORI A2 DAN A5  
 SKALA 1:800  
 PA(B) 16930-17 HINGGA 16930-19



PETUNJUK:

- HBT 1 HARTA BERSAMA TERHAD KOMPLEKS BELU-BELAH
- HBT 2 HARTA BERSAMA TERHAD PEJABAT
- HBT 3 HARTA BERSAMA TERHAD HOTEL
- HARTA BERSAMA

- AHU: PENGINN HAWA
- AIR: SALURAN AIR
- BK: LANTAI RUANG UDARA
- EK: SALURAN ELEKTRIK
- HR: GELUNG HOS
- RU: RUANG UDARA
- TEL: SALURAN TELEFON
- THA: TANGKI AIR BOMBA
- TSA: TANGKI SIMPANAN AIR
- MATV: MULTIPLE ACCESS TELEVISION
- PABX: PRIVATE AUTOMATIC BRANCH EXCHANGE
- SDF: SUBSCRIBER DISTRIBUTION FRAME
- WC: WATER CLOSET

Saya ..... seorang Jurukur Tanah yang dillesenkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958 [ Akta 458], memperaku bahawa pengukuran Harta Bersama Terhad dari mana pelan ini telah disediakan menurut kehendak subseksyen 17A(2) Akta Hakmilik Strata 1985 [ Akta 318], dijalankan oleh saya atau di bawah arahan saya sendiri secara langsung di lapangan, dan bahawa pelan ini mewakili pengukuran yang disempurnakan pada ..... habulan ..... 20.....

Bahawa saya bertanggungjawab sepenuhnya ke atas salah betulnya pelan ini.

Bertarikh ..... habulan ..... 20.....

Jurukur Tanah yang dillesenkan di bawah Akta 458


FAIL UKUR: PUBLJB100, 2010 (HBT)  
 FAIL PEJ. TANAH: PTG/15/25/2010  
 PETA KADASTER 100-A  
 BUKU KERJALUAR: BK 1010 (HBT)

Pelan Khas ini telah disemak dan didapati TERATUR menurut kehendak subseksyen 17A(4) Akta Hakmilik Strata 1985 [ Akta 318].

Bertarikh ..... habulan ..... 20.....


(NAMA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN NEGERI)  
 Pengarah Ukur dan Pemetaan Johor

**PK(HBT) 10-7**



NOTA : DINDING LUAR TINGKAT 1 HINGGA 5 ADALAH HARTA BERSAMA TERHAD KOMPLEKS BELU-BELAH.

PELAN KHAS (HARTA BERSAMA TERHAD)  
 NEGERI JOHOR  
 DAERAH JOHOR BAHRU  
 BANDAR JOHOR BAHRU  
 LOT 2028 (PA 10073)  
 NOMBOR HAKMILIK: GRN 10104  
 KELUASAN LOT: 17,196m<sup>2</sup>  
 NOMBOR SKIM: 1234  
 SKALA 1 : 2500



Saya ..... seorang Jurukur Tanah yang dilisenkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958 [ Akta 458], memperaku bahawa pengukuran Harta Bersama Terhad dari mana pelan ini telah disediakan menurut kehendak subseksyen 17A(2) Akta Hakmilik Strata 1985 [ Akta 318], dijalankan oleh saya atau di bawah arahan saya sendiri secara langsung di lapangan, dan bahawa pelan ini mewakili pengukuran yang disempurnakan pada ..... habbulan ..... 20.....

Bahawa saya bertanggungjawab sepenuhnya ke atas salah betulnya pelan ini.

Bertarikh ..... habbulan ..... 20.....

Jurukur Tanah yang dilisenkan di bawah Akta 458

FAIL UKUR: PUBLJB100\_2010 (HBT)  
 FAIL PEJ. TANAH: PTG/15/25/2010  
 PETA KADASTER 100-A  
 BUKU KERJALUAR: BK 1010 (HBT)


Pelan Khas ini telah disemak dan didapati TERATUR menurut kehendak subseksyen 17A(4) Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318].

Bertarikh ..... habbulan ..... 20.....

(NAMA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN NEGERI)  
 Pengarah Ukur dan Pemetaan Johor

PK(HBT) 10-8

PELAN TINGKAT  
 BANGUNAN M1  
 TINGKAT 5  
 PETAK 353 HINGGA 356 DAN PETAK AKSESORI A2 DAN A6  
 SKALA 1: 800  
 PA(B) 16930-20 HINGGA 16930-21



PETUNJUK:


- HBT 1 HARTA BERSAMA TERHAD KOMPLEKS BEL-BELAH
- HBT 2 HARTA BERSAMA TERHAD PEJABAT
- HBT 3 HARTA BERSAMA TERHAD HOTEL
- HARTA BERSAMA

- AHU: PENDINGIN HAWA
- AIR: SALURAN AIR
- BK: LANTAI RUANG UDARA
- EK: SALURAN ELEKTRIK
- HR: GELUNG HOS
- RU: RUANG UDARA
- TEL: SALURAN TELEFON
- THA: TANGKI AIR BOMBA
- TSA: TANGKI SIMPANAN AIR
- MATV: MULTIPLE ACCESS TELEVISION
- PABX: PRIVATE AUTOMATIC BRANCH EXCHANGE
- SDF: SUBSCRIBER DISTRIBUTION FRAME
- WC: WATER CLOSET

NOTA : DINDING LUAR TINGKAT 1 HINGGA 5 ADALAH HARTA BERSAMA TERHAD KOMPLEKS BEL-BELAH.



PELAN KHAS (HARTA BERSAMA TERHAD)  
 NEGERI JOHOR  
 DAERAH JOHOR BAHRU  
 BANDAR JOHOR BAHRU  
 LOT 2028 (PA 10073)  
 NOMBOR HAKMILIK: GRN 10104  
 KELUASAN LOT: 17,196m<sup>2</sup>  
 NOMBOR SKIM: 1234  
 SKALA 1 : 2500



Saya ..... seorang Jurukur Tanah yang dilaksanakan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen 1958 [ Akta 458], memperaku bahawa pengukuran Harta Bersama Terhad dari mana pelan ini telah disediakan menurut kehendak subseksyen 17A(2) Akta Hakmilik Strata 1985 [ Akta 318], dijalankan oleh saya atau di bawah arahan saya sendiri secara langsung di lapangan, dan bahawa pelan ini mewakili pengukuran yang disempurnakan pada ..... harbulan ..... 20.....

Bahawa saya bertanggungjawab sepenuhnya ke atas salah betulnya pelan ini.

Bertarikh ..... harbulan ..... 20.....

Jurukur Tanah yang dilaksanakan di bawah Akta 458

FAIL UKUR: PUBLJB100, 2010 (HBT)  
 FAIL PEJ. TANAH: PTG/15/25/2010  
 PETA KADASTER 100-A  
 BUKU KERJALUAR: BK 1010 (HBT)



